

## **DRAMA ADAPTASI KOREA: SUATU ANALISIS TERHADAP PEMAPARAN ISLAM DALAM DRAMA MONALISA**

(*Korean Adaptation Drama: An Analysis of Islamic Potrayal in Monalisa Drama*)

Nazra Aliff Nazri, Nurul Akqmie Badrul Hisham & Abdul Latiff Ahmad

### **ABSTRAK**

Dasawarsa ini, antara corak dalam penghasilan drama tempatan adalah merupakan drama adaptasi yang diambil daripada negara luar terutama Korea. Perkara ini turut dilihat berpunca daripada pengaruh gelombang Korea yang melanda negara bermula seawal tahun 2000. Justeru, isu ini turut memberi kebimbangan kepada masyarakat apabila berlaku pelbagai kes dan sentimen kurang baik yang melibatkan budaya dan agama Islam dengan kehadiran gelombang popular Korea ini di Malaysia. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk melihat apakah bentuk pemaparan agama Islam yang ditonjolkan oleh pembuat teks menerusi pembikinan drama adaptasi Korea. Dari situ, pengkaji akan dapat mengetahui jika wujudnya tembusan dan silang budaya yang berlaku di dalam drama adaptasi tersebut. Kaedah yang digunakan untuk kajian ini pula adalah melalui pendekatan kualitatif analisis tekstual ke atas drama Monalisa yang diadaptasi daripada siri popular Korea Two Woman's Room. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa walaupun drama ini merupakan sebuah drama adaptasi namun penghasilan dan penggunaan kepada elemen agama serta ajaran Islam itu amat meluas dan masih dipertontonkan kepada masyarakat dengan jelas dan tepat. Ini juga dilihat sebagai satu inisiatif amat baik yang telah diambil oleh pembuat teks dalam memberi pencerahan dan mendidik penonton ke arah nilai yang lebih baik.

**Kata kunci:** Drama, Adaptasi, Analisis Tekstual, Budaya, Islam

### **ABSTRACT**

Nowadays, among the style in producing local drama are adapted drama that derived from various international countries especially Korea. This matter has been seen happened due to the fact that Korean waves hit the nation as early as in the 2000s. Hence, this issue sparks concerns in the community when there are many cases and negative sentiment about the culture and Islam religion because of the influence of the Korean waves in Malaysia. Due to the fact, this research want to see what shape Islam has been projected by the teks maker in producing Korean adapted drama. From there, researcher may know if there is any penetrative and cross culture happening in this adaptation drama. Methods used in this research is by using textual qualitative analysis on the Monalisa drama that been adapted from the popular Korean drama Two Woman's Room. Result from this research shows, even though the drama was an adaptation, still the making and the usage of religious element along with the teaching of Islam is very broad while it is still being presented to the community clearly and precisely. This can

be seen as a very good initiative taken by the text makers in giving light and educating the audience towards a better nation.

**Keywords:** Drama, Adaptation, Tekstual Analysis, Culture, Islam

## PENGENALAN

Agama merupakan satu bentuk nilai dan amalan tradisional yang berkaitan dengan sesebuah kumpulan masyarakat atau kepercayaan bagi individu tertentu (Fowler 2017). Pegangan agama yang wujud dalam sesebuah kelompok masyarakat ini juga boleh dilihat menerusi aspek budaya yang membawa kepada fenomena kehidupan bermasyarakat yang saling berhubung antara satu sama lain (Bauto 2014). Ini juga secara tidak langsung menunjukkan bahawa agama dan budaya adalah suatu perkara yang saling melengkapi dan tidak boleh dipisahkan sebagaimana yang ditegaskan oleh Klowkowska (1996) iaitu elemen keagamaan merupakan sebahagian daripada kebudayaan nasional kebangsaan bagi sesebuah negara.

Menurut (Mastura Haji Abd Wahab et al. 2020) di Malaysia, agama Islam merupakan agama rasmi persekutuan yang merupakan salah satu daripada empat unsur tradisi dalam kontrak sosial di Malaysia. Namun, bangsa dan etnik lain masih bebas untuk mengamalkan agama masing-masing memandangkan Malaysia merupakan sebuah negara majmuk yang mempunyai rakyat berbilang kaum dan agama.

Pada zaman globalisasi ini, perkembangan teknologi maklumat terutama media massa yang semakin maju banyak membantu penyebaran budaya ke dalam sebuah kelompok masyarakat untuk terhasil dengan lebih cepat dan mudah (Sun et al. 2018). Menurut Sohana (2016) ini juga kerana media massa adalah satu saluran mahupun medium penting yang diguna pakai oleh sesebuah masyarakat untuk menyampaikan info dan maklumat. Tambah beliau, terdapat dua bentuk media massa yang diguna pakai oleh masyarakat iaitu pertama ialah media elektronik (televisyen, radio dan internet) dan kedua ialah media cetak (akhbar, majalah, buku dan sebagainya).

Bagi Anderson dan Taylor (2013) globalisasi yang berlaku ini juga adalah merupakan satu proses peningkatan jaringan dan saling bergantungan antara satu masyarakat dengan satu masyarakat yang lain. Menerusi globalisasi, negara-negara didunia ini tidak lagi dilihat sebagai sebuah entiti yang berasingan malahan negara-negara ini saling berhubungan menyebabkan penyerapan budaya dan asimilasi budaya boleh berlaku dengan kewujudan teknologi dan media masa kini.

Justeru itulah, ianya dilihat mampu memberikan sedikit sebanyak impak ke dalam kehidupan bermasyarakat (Emily Draco 2015). Selain itu, kemajuan dalam perkembangan teknologi moden ini juga dilihat mampu memberikan kesan yang amat besar sekaligus dapat mengubah landskap kehidupan manusia tanpa mengira tahap serta peringkat usia (Naquiah Nahar et al. 2018). Ini semua juga boleh dikatakan berpunca dengan kecanggihan dan evolusi teknologi itu sendiri dalam mempengaruhi perkembangan budaya sesebuah kelompok masyarakat di sesebuah tempat

Hal ini dapat dikaitakan dengan lambakan rancangan luar serta program tempatan juga dilihat memainkan peranan yang penting dalam pembentukan identiti budaya dan jati diri masyarakat sesebuah kaum pada masa kini. Menurut (Md Rozalafri Johori et al. 2014) televisyen adalah satu medium yang amat baik untuk memberikan pendidikan dan membentuk

masyarakat yang bertamadun. Ini disebabkan televisyen merupakan satu platform media yang paling popular sering digunakan oleh kebanyakan masyarakat seluruh dunia (Pandyan 2013).

Hal ini dilihat selari dengan pernyataan Mansor Puteh (2009) yang mana di Malaysia, penerbitan visual dan drama sering berhadapan dengan masalah beberapa masalah akibat kurang mengetahui elemen jati diri kerana lebih banyak memaparkan budaya luar. Tambahan ada dalam kalangan penerbit juga gemar mengangkat imej drama yang kurang sesuai dipertontonkan serta tidak menguntungkan agama, bangsa dan negara.

Hal ini sememangnya dapat memberikan kesan yang getir kepada masyarakat terutama dari sudut pegetahuan dan pegangan agama memandangkan medium komunikasi massa yang merupakan bahan perantaraan yang mampu merubah perilaku dan pemikiran seseorang. Akhirnya masyarakat khususnya para remaja akan mula terpengaruh dengan gaya kehidupan moden seperti pergaulan bebas serta sikap mementingkan diri sendiri dalam mengejar gaya hidup terkin sekaligus berpotensi meruntuhkan institusi perpaduan negara (Adiba Munira et al. 2013)

Oleh itu, pemaparan agama melalui saluran media terutama dalam drama dan televisyen ini amat penting kepada sesebuah kelompok komuniti bagi memupuk semangat perpaduan serta kefahaman lebih erat antara pelbagai kelompok masyarakat di Malaysia terutamanya (Nazra Aliff & Abdul Latiff 2020). Justeru itu, dalam kajian ini pengkaji ingin mengetahui apakah bentuk pemaparan kebudayaan dari sudut agama Islam yang ditonjolkan oleh pembuat teks atau pembikin drama menerusi drama adaptasi Korea Monalisa. Selain itu, pengkaji juga berminat untuk mengetahui jika wujud tembusan dan asimilasi terutama dari sudut budaya menerusi penghasilan drama adaptasi Korea ini selain ingin mengetahui bagaimanakah bentuk pemaparan terhadap elemen keislaman ditonjolkan kepada khalayak umum melalui drama ini.

## SOROTAN LITERATUR

### Adaptasi Karya

Adaptasi adalah merujuk kepada pertukaran sesebuah karya tertentu ke dalam sesebuah karya yang lain. Ini meliputi dari sudut ditiru sepenuhnya daripada karya yang asal mahupun ada penambahan dan potongan tertentu untuk beberapa bahagian dan juga adegan (Tengku Intan Marlina et al. 2014). Tambahnya, dengan penggunaan teknologi yang serba canggih kini proses adaptasi boleh dilakukan dengan lebih pantas dan efisyen sama ada menggunakan medium atas talian mahupun secara tradisional. Kebanyakan adapasti ini juga merujuk kepada pengambilan atau pembuatan semula karya daripada novel, buku mahupun makalah kepada bentuk filem dan juga drama.

Selain daripada itu karya yang diadaptasi ini perlulah dianggap sebagai sebuah karya baharu dengan mempunyai elemen-elemen pembaharuan baru yang lebih segar. Menurut Wan Hasmah dan M. Salleh (2015), beliau berpandangan bahawa adaptasi boleh berasal daripada pelbagai sumber seperti novel, buku, drama pentas, rencana, lagu dan sebagainya. Namun, semuanya hanyalah sebagai pemasu dalam menghasilkan sebuah karya yang baharu. Dapat disimpulkan, adaptasi bukanlah semata-mata mengubah medium dan idea asal tetapi ianya turut mencipta semula karya seni yang baharu dalam usaha mengekalkan keadaannya seperti asal (Wan Hasmah & M. Salleh 2015).

## **Hallyu dan Drama di Malaysia**

*Hallyu* merujuk kepada perluasan dari sudut peningkatan penggunaan produk budaya Korea yang popular, seperti hiburan Korea termasuk muzik, rancangan televisyen (TV), drama dan filem, masakan, dan fesyen ke seluruh dunia (Farah Hidayah Mohd Zaini et al. 2020). Pengaruh *Hallyu* terhadap masyarakat di seluruh dunia juga amat kuat terutama dari sudut identity dan imej yang disampaikan oleh produk budaya Korea ini kepada umum (Eun Song Bae et al., 2017).

Jika ditinjau ruang lingkup Malaysia, menurut (Norbaiduri Ruslan & Siti Sakinah 2016) *Hallyu* bermula dengan kemasukan drama popular Winter Sonata ke dalam rangkaian televisyen tempatan. Ini membawa kepada penerimaan yang luar biasa oleh masyarakat Malaysia kepada produk budaya dan drama yang dihasilkan oleh negara Korea. Ini membuktikan bahawa Korea bijak dalam menggunakan produk budaya yang ada dan memasarkan ke negara-negara Islam termasuk Islam walaupun berbeza dari sudut budaya dan agama (Nor Hashimah Jalaluddin & Zaharani 2011).

Tambahan dari itu, perkara ini juga berlaku disebabkan permintaan yang begitu mendalam terhadap drama-drama daripada Korea yang telah ditunjukkan oleh masyarakat di Malaysia turut membantu dalam penerimaan dan penyebaran budaya Korea ini (Julina et al. 2018). Hal ini turut disokong oleh Md Azalanshah & Seung Ho Kwon (2019) yang menegaskan bahawa televisyen di Malaysia telah menjadi salah satu medium yang amat penting dalam penyebaran budaya terutama pada era kini. Ini menunjukkan televisyen di Malaysia kini masih berperanan penting dalam memberikan kesan dalam kehidupan sesebuah kelompok masyarakat terutama dengan kehadiran *Hallyu* di Malaysia yang turut dilihat memberi impak yang kurang baik kepada masyarakat tempatan. Ini turut ditambah apabila kajian daripada Sang Hyeop Lee et al. (2017) telah menunjukkan bahawa rata-rata remaja dan belia di Malaysia amat mudah untuk tertarik dengan budaya popular Korea atau *Hallyu* lebih-lebih lagi dari sudut fesyen, muzik dan sebagainya disebabkan keupayaannya dalam mempengaruhi minda masyarakat.

Disebabkan itu, terdapat banyak produk-produk terutamanya drama Korea yang telah diadaptasikan ke dalam versi tempatan bagi meraih tontonan. Adaptasi juga boleh ditakrifkan sebagai perpindahan sesebuah teks ke dalam sesebuah teks mahupun genre yang berbeza (Mana Sikana 2014). Tambah beliau lagi, drama-drama adaptasi ini banyak mula dibuat sekitar tahun 80-an dan banyak diusahakan oleh Badan Seni Dewan Bahasa dan Pustaka. Oleh itu, hal ini bukanlah satu benda baru dalam industri seni tempatan apabila terdapat banyak karya original yang sudah banyak di ambil oleh pembuat teks tempatan dan mengadaptasikannya berikutnya populariti *Hallyu* yang begitu kuat hingga ke hari ini.

Menurut Md Azalanshah & Seung Ho Kwon (2019) populariti *Hallyu* yang wujud dalam kalangan wanita Melayu di Malaysia mendapat kritikan yang hebat daripada pelbagai institusi disebabkan potensinya untuk membeli kesan dan menghakis budaya masyarakat Melayu sedia ada. Perkara ini turut disebabkan oleh kes dan isu agama yang mula tercetus dengan kehadiran *Hallyu* di Malaysia sebagai contoh pada tahun 2015, wujudnya isu wanita Melayu yang memeluk penyanyi berkumpulan Korea (B1A4) semasa sesi perjumpaan peminatnya di Malaysia (The Rakyat Post 2015). Seterusnya, pada tahun 2017 juga tergempar apabila terdapat satu aktiviti berkabung oleh remaja Melayu Islam di kawasan Lembah Klang, iaitu dengan membawa lilin bagi memperingati kematian penyanyi idola iaitu Kim Jong Hyun (Astro Awani 2017).

Pada tahun 2020 juga wujud sebuah saluran telegram yang diberi nama ‘Agama BTS’ di Malaysia yang sememangnya terbukti amat bertentangan dan bercanggah dengan ajaran yang disampaikan oleh agama Islam (Mstar 2020). Oleh itu, isu berkaitan *Hallyu* ini ternyata amat membimbangkan dan harus di ambil perhatian dengan lebih mendalam khususnya apabila ianya melibatkan agama dan juga budaya bangsa sesebuah negara. Ini juga adalah salah satu faktor penyumbang yang amat penting bagi pengkaji untuk menyelidik pemaparan agama yang wujud menerusi pembikinan drama adaptasi Korea di Malaysia ini.

## SINOPSIS DRAMA ADAPTASI KOREA MONALISA

Rajah 1: Poster drama adaptasi Korea Monalisa



Sumber: Poster drama Monalisa (2018)

Drama Monalisa arahan Shahrulezad Mohameddin merupakan sebuah drama adaptasi Korea iaitu *Two Woman's Room* dan telah disiarkan menerusi Slot Tiara Astro Prima dan Maya HD. Drama yang mempunyai 80 bilangan episod terbitan Radius One Sdn Bhd ini telah dibintangi oleh ramai para pelakon terkenal tanah air pada ketika itu seperti Zara Zya, Mona Allen, Nazim Othman, Hafreez Adam, Amyza Aznan, Roy Azman dan ramai lagi.

Drama ini umumnya berkisarkan kehidupan Melisa (Zara Zya) yang merupakan pewaris kepada sebuah hotel mewah yang dikenali sebagai Monalisa. Namun, atas beberapa kejadian yang tidak diingini, Melisa kemudiannya bertemu Ramona (Mona Allen) dan mengajaknya untuk tinggal bersamanya atas beberapa sebab. Hari berganti hari, sifat sebenar Ramona mula muncul dan semakin menjadi-jadi, ternyata Ramona amat cemburu akan kemewahan yang dimiliki oleh Melisa lalu berazam untuk mengambil segalanya yang Melisa miliki termasuk hotel mewah Monalisa.

Rentetan itu, disebabkan pelbagai masalah dan fitnah yang dilemparkan kepada Melisa, akhirnya keluarga Melisa jatuh miskin dan diusir daripada syarikat oleh Ramona. Namun begitu, Melisa tetap bertuah kerana mendapat pertolongan dari kawan baiknya iaitu Adam (Hafreez Adam). Kini, Melisa mahu membala dendam dan mengambil semula hak dan harta miliknya. Di pengakhiran cerita Ramona telah ditangkap oleh pihak berkuasa atas kejahatan yang dilakukannya. Tambahan daripada itu, Ramona juga telah disahkan mengidap penyakit yang membawa maut semasa dia berada di dalam penjara atas segala kesalahannya. Melisa

juga akhirnya mendapat kembali segala kemewahan dan juga kebahagian yang telah dirampas oleh Ramona sebelum ini.

## KAEDAH KAJIAN

Masyarakat di Malaysia sering kali dikaitkan dengan mempunyai sifat keterbukaan yang tinggi dan mempunyai potensi dalam melakukan sesbuah perubahan (Dasuki et al. 2015). Disebabkan itulah, menurut (Farah Hidayah et al. 2020) amat penting untuk mengkaji sejauh mana fenomena global *Hallyu* ini mempengaruhi masyarakat di Malaysia. Dalam kajian ini, kaedah kualitatif iaitu analisis tekstual telah diguna pakai bagi membantu pengkaji memahami dan mengetahui dengan lebih mendalam tentang sesuatu isu serta fenomena yang dikaji. Hal ini selari dengan pernyataan Nancy (2015) dimana beliau menyatakan bahawa analisis teks dan kandungan merupakan kaedah yang amat sesuai dijalankan bagi melihat kepada isu dan fenomena semasa.

Justeru itu, definisi kebudayaan daripada Kłoskowska (1996) telah digunakan oleh pengkaji bagi melihat kepada elemen kebudayaan yang dipaparkan menerusi drama. Menurut Kłoskowska (1996), asas kepada budaya kebangsaan sesbuah negara terbahagi kepada tujuh elemen iaitu bahasa, sastera, kesenian, agama, adat, simbol dan juga tradisi. Namun, dalam kajian ini pengkaji hanya akan menfokuskan kepada elemen pemaparan agama sahaja.

Melalui elemen agama ini, pengkaji akan menggunakan borang kodan yang telah disediakan untuk menganalisis dan mendapatkan data daripada setiap episod. Dari situ pengkaji akan membuat analisis secara tematik dengan membahagikan elemen keagamaan yang ditonjolkan kepada dua bahagian iaitu pemaparan secara visual dan pemaparan secara verbal supaya hasil kajian lebih jelas dan meluas.

Sampel kajian pula adalah sebuah drama adaptasi Korea iaitu *Monalisa* yang disiarkan pada tahun 2018 dengan 80 buah bilangan episod. Selain itu, drama ini juga dipilih kerana ia merupakan sebuah drama adaptasi Korea daripada siri asal *Two Woman's Room* yang pernah menjadi fenomena sekitar tahun 2013.

Tambahan, pemilihan drama adaptasi televisyen sebagai sampel kepada kajian ini juga Disebabkan oleh secara amnya televisyen merupakan antara sumber media utama yang digunakan rata-rata masyarakat di Malaysia. Program drama bersiri juga adalah rancangan yang paling digemari oleh masyarakat di Malaysia terutama sekali golongan belia remaja (Haryati 2014). Justeru, ini sekaligus memberikan alasan yang munasabah kepada pemilihan sampel kajian yang dilakukan ini dan mendorong kepada kelangsungan kajian.

## ANALISIS KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Setelah usai meneliti kesemua 80 episod terhadap drama *Monalisa*, kajian mendapati bahawa drama adaptasi Korea ini sememangnya amat menekankan ciri-ciri dan elemen keislaman yang tinggi kepada audiens. Walaupun drama ini pada asalnya merupakan karya adaptasi daripada Korea Selatan namun, hasil penelitian pengkaji mendapati bahawa tiada langsung kewujudan pemaparan kepada elemen kebudayaan dan keagamaan lain selain daripada Islam menerusi dalam drama ini.


Bagi mendalami perkara ini, di dalam ruangan analisis kajian, segala hasil data untuk dianalisis telah dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu pertama pemaparan terhadap elemen agama Islam secara visual dan kedua pemaparan kepada elemen agama Islam secara

lisan. Ini adalah bertujuan untuk memberi gambaran secara keseluruhan yang lebih jelas berkaitan pemaparan Islam di dalam drama adaptasi ini.

### Pemaparan Elemen Agama Islam Secara Visual

Menurut Zubaidah Osman dan Nor Azura Adzharuddin (2015) visual merujuk kepada satu bentuk komunikasi melalui penglihatan dengan menggunakan imej visual seperti gambar dengan tujuan untuk menyampaikan, mempengaruhi seterusnya memberi kesan emosi terhadap khalayak penerima. Selain itu, visual juga boleh dianggap sebagai alat komunikasi yang berkuasa untuk mencetuskan tindak balas emosi yang tinggi dan boleh diingati oleh audiens (Normah Mustaffa & Faridah Ibrahim 2018). Oleh itu, antara bentuk pemaparan kepada agama Islam yang paling jelas dipaparkan menerusi drama adaptasi Korea, Monalisa ini adalah dengan penggunaan kalimah dan ayat-ayat keagamaan.

Rajah 2: Pemaparan kalimah Allah dan Muhammad di rumah antagonis dan protagonis dalam drama Monalisa



Sumber: Drama Monalisa (2018)

Di dalam drama ini, antara kalimah dan ayat keagamaan sering kali dipaparkan menerusi gantungan kalimah Allah dan juga Muhammad di sudut ruangan dalam rumah bagi kedua-dua watak antagonis mahupun protagonis. Menurut (Wan Haslan & Indriaty (2014), penggunaan kalimah Allah adalah berasal daripada perkataan Bahasa Arab dan digunakan oleh seluruh masyarakat Islam di seluruh dunia tanpa terhad kepada mana-mana negara mahupun bangsa. Justeru itu, pemaparan ini telah dibuktikan pada episod ke 5 dan 58 di mana wujudnya penonjolan kepada kalimah-kalimah keagamaan ini dalam dalam ruangan rumah Melisa dan juga Ramona sebagaimana yang telah dipaparkan pada rajah 2.

Dalam pada itu, walaupun Ramona merupakan satu karakter antagonis yang amat jahat dan licik dalam drama ini, namun penonton tetap di sajikan dengan penggunaan elemen Islam ke dalam kehidupan sosial Ramona. Ini sekaligus satu usaha yang amat baik dilakukan pembuat teks dalam memberikan pengajaran dan nilai kepada penonton untuk senantiasa mengingati sang pencipta walaupun melakukan kejahanan dan lalai dengan perkara-perkara duniawi. Ini juga terlihat selari dengan pernyataan Ahmad Mujahideen dan Hamidi (2020) iaitu setiap manusia memang tidak terlepas daripada melakukan kesalahan dan dosa tetapi haruslah segara bertaubat dan mengingati yang maha esa. Disebabkan itu, penggunaan kepada elemen Islam ini boleh bertindak sebagai satu bentuk nasihat secara bawah sedar kepada para audiens yang menonton drama adaptasi ini.

Rajah 3: Pemaparan hijab dan kopiah dalam drama Monalisa



Sumber: Drama Monalisa (2018)

Selain daripada itu, terdapat juga pemaparan kepada pemakaian keagamaan seperti hijab dan juga songkok di dalam drama ini. Menurut Baalbaki (1995) hijab merujuk kepada tudung ataupun penutup kepala yang dipakai oleh wanita Islam. Jika dilihat dalam konteks di Malaysia, rata-rata penduduk di Malaysia secara umumnya memahami bahawa hijab adalah wajib untuk dipakai bagi wanita Islam sebagai tujuan menutup aurat (Hariati Ibrahim & Nur Hafidah Abd Kadir 2019). Manakala songkok pula adalah elemen mahupun identiti Islam yang sering dipakai oleh golongan lelaki bagi masyarakat Melayu (Ismail et al. 2019).

Namun begitu, dalam drama ini pemaparan kepada pemakaian tudung dan songkok ini ternyata dilihat minimal penonjolannya. Hal ini disebabkan oleh kesemua watak dan karakter di dalam drama ini pada asalnya bukanlah seorang wanita yang berhijab. Namun begitu, pemakaian hijab dan songkok ini tetap digunakan apabila melibatkan hal berkaitan keagamaan seperti kematian dan juga perkahwinan. Sebagai contoh, pada episod ke 5, Melisa dilihat datang menziarahi Ramona ke rumahnya setelah bapanya meninggal dunia. Seterusnya pada episod ke 40 juga jelas kelihatan pemakaian songkok oleh bapa Ramona semasa majlis pertunangannya bersama Johan.

Ini menunjukkan bahawa pembuat teks terhadap drama adaptasi amat mengambil berat dan bersikap begitu sensitif dalam mengadun setiap adegan dengan baik supaya tidak timbul sebarang kekeliruan dan kontroversi. Perkara ini juga dilihat satu alternatif yang amat baik untuk diambil oleh pembuat teks lebih-lebih lagi isu yang melibatkan sensitiviti agama dan budaya di samping memberi nilai dan pengajaran kepada penonton agar senantiasa menghormati agama dan juga budaya.

Rajah 4: Pemaparan adegan tahlil arwah dan tanah perkuburan dalam drama Monalisa



Sumber: Drama Monalisa (2018)

Elemen keagamaan seterusnya yang jelas dipaparkan adalah berkaitan dengan adegan yang melibatkan kematian seseorang individu di dalam Islam. Hal ini jelas dipertontonkan kepada audiens menerusi episod ke 5, di mana majlis tahlil arwah telah di adakan bagi ayah Ramona yang meninggal dunia. Menurut Kamarul Azmi (2020) majlis tahlil arwah ataupun doa arwah merupakan satu set amalan bagi umat Islam beramal bagi disedekahkan pahala bacaan tersebut kepada roh orang yang sudah meninggal dunia. Sedekah dari sudut pahala menerusi majlis tahlil ini turut boleh diberikan untuk semua roh orang yang sudah meninggal dunia atau dikhususkan nama mereka ketika dimulakan bacaan dan ketika berdoa.

Selain daripada pemaparan kepada majlis tahlil arwah, terdapat juga banyak adegan-adegan yang berada di tanah perkuburan Islam. Dalam adegan ini elemen Keislaman sememangnya jelas ditonjolkan apabila kesemua watak terutamanya kaum wanita menutup aurat walaupun secara amnya semua karakter adalah wanita yang tidak memakai hijab. Ini juga menunjukkan bahawa pembuat teks amat peka dan tidak mengambil enteng terhadap elemen-elemen keagamaan dan memaparkannya dengan tepat kepada umum.

Menurut Rashidah Othman et al. (2016) menutup aurat merupakan fitrah semula jadi setiap manusia dan ianya juga adalah merupakan suatu kewajipan bagi golongan wanita. Tambahnya, ini merupakan perkara yang telah disyariatkan dalam Islam untuk memelihara kesucian kaum wanita itu sendiri dari perkara yang tidak baik.

Rajah 5: Pemaparan adegan bersalaman dalam drama Monalisa



Sumber: Drama adaptasi Monalisa (2018)


Seterusnya, antara pemaparan kepada elemen keagamaan Islam menerusi drama ini adalah jelas seperti yang ditunjukkan pada rajah 5 iaitu wujudnya penonjolan kepada adegan bersalaman kepada orang yang lebih tua terutama dalam kalangan keluarga sebagai tanda hormat dan juga restu. Kebiasaanya penggunaan bersalaman ini sering kali digunakan dalam masyarakat Islam apabila baru bertemu dengan seseorang mahupun apabila ingin meninggalkan sesuatu lokasi atau tempat.

Menurut Nurul Huda (2015), penggunaan bersalaman ke atas golongan tertentu seperti ahli keluarga dan sesama jantina adalah perlu kerana Islam adalah sebuah agama yang amat menjaga keperibadian dan kemaslahatan, disebabkan itulah terdapat prosedur dan garis panduan dalam melakukannya. Ini juga bagi mengelakkan sebarang hal-hal negatif yang mungkin terjadi dan mungkin akan membawa kepada masalah moral dan keruntuhan akhlak terhadap seseorang individu.

Jika dilihat dari sudut penayangan adegan bersalaman dalam drama adaptasi ini, pengkaji mendapati bahawa pembuat teks amat berhati-hati melakukan tugasannya dengan baik

apabila pemaparannya dilihat tepat dengan apa yang disarankan oleh agama Islam. Rata-rata adegan bersalaman ini juga adalah dalam kalangan ahli keluarga dan sesama jantina. Perkara ini juga sekaligus menunjukkan yang mana ianya amat selari dengan ajaran Islam dan boleh diterima pakai masyarakat umum di Malaysia.

Rajah 6: penggunaan unsur khurafat dan syirik dalam drama Monalisa



Sumber: Drama adaptasi Korea Monalisa (2018)

Penonjolan kepada elemen Islam dari sudut visual seterusnya ialah dari sudut penggunaan unsur-unsur syirik dan tahlul menerusi drama ini. Syirik menurut Yusuf Qardhawy dan Muhammad Al-Ghazali (2000) syirik adalah satu perbuatan yang menyekutukan Allah dalam apa jua bentuk seperti penggunaan ayat, pegangan, perbuatan, dan iktiqad iaitu dengan menjadikan sesuatu makhluk lain saman ada benyawa atau tidak dan menduakannya dengan Allah.

Amalan syirik ini telah wujud sangat lama iaitu sebelum kedatangan Islam lagi kerana masyarakat Melayu pada ketika itu berpegang kepada kepercayaan animisme yang banyak dipengaruhi oleh alam sekeliling. Tambahan daripada itu, terdapat juga ritual ataupun upacara pemujaan tertentu dilakukan oleh individu itu sendiri mahupun dengan menggunakan pawang atau bomoh untuk tujuan kepentingan sendiri atau memberi kerugian kepada orang lain (Atiqah Syed Ibrahim et al. 2003).

Menerusi drama adaptasi ini jelas dipaparkan adegan yang menggunakan amalan syirik oleh ibu mentua Ramona pada episod ke 45 yang mana ibu mentuanya telah meletakkan bungkus besar hitam yang mengandungi garam dan lada hitam di dalam bilik tidur Ramona dengan harapan Ramona akan mengandung. Ini jelas bertentangan dengan ajaran ajaran agama Islam yang melarang penggunaan ilmu hitam dan khurafat di dalam kehidupan seharian. Namun, pembuat teks juga bijak dalam memberi info dan maklumat kepada penonton apabila terdapat dialog daripada Ramona yang menyatakan bahawa perbuatan tersebut adalah syirik dan haram di sisi Islam.

Ramona juga bertindak keras dan menasihati ibu mentuanya supaya tidak melakukan perkara sebegini yang dikhuatiri boleh meruntuhkan moral dan kepercayaan kepada Allah. Adegan ini juga telah disusun dengan amat baik oleh pembuat teks supaya masyarakat luar yang menonton dapat mengetahui isu yang sering melanda masyarakat Melayu walaupun berada pada era moden kini yang mana amalan sihir dan syirik seperti ini masih wujud dan diamalkan.

### Pemaparan Elemen Agama Islam Secara Lisan (Verbal)

Pemaparan elemen agama Islam ini dilihat konsisten penayangannya kepada masyarakat menerusi episod penyiarannya di televisyen. Dalam pada itu, kebanyakan elemen berkaitan agama Islam ini juga dipaparkan menerusi dialog perbualan ataupun secara lisan menerusi beberapa adegan dalam drama adaptasi ini. Menurut Suranto Aw (2018) komunikasi secara lisan ini boleh didefinisikan sebagai sebuah kemampuan dalam berucap (*speaking*), sehingga mampu untuk memberikan sesebuah perkara dan maklumat yang mahu disampaikan kepada audien dengan jelas.

Rajah 7: Pemberian salam semasa berbual di telefon dan apabila masuk ke rumah menerusi drama Monalisa



Sumber: Drama adaptasi Korea Monalisa (2018)

Antara bentuk pemaparan elemen keislaman secara lisan mahupun verbal jelas kedengaran menerusi dialog seperti pemberian salam ketika bercakap telefon dan juga apabila masuk ke dalam rumah. Hal ini dapat dibuktikan menerusi episod 56 apabila ayah Johan memberi salam kepada Puan Halimah untuk berbincang dan berjumpa berkenaan sesebuah perkara atas urusan kerja dengan menggunakan telefon telefon. Selain itu, pada episod ke 11 juga jelas kedengaran apabila Ramona memberikan salam semasa hendak masuk ke dalam rumah setelah pulang daripada kerja luar.

Penggunaan memberi salam sudah sebatи dalam jiwa umat Islam. Ini kerana menurut Roslan Ab Rahman et al. (2015) amalan dalam memberi salam amat digalakkan dalam Islam. Tambahnya, dalam bahasa Arab, kalimah al-Salam adalah ucapan kesejahteraan dari seorang Muslim kepada seorang Muslim yang lain. Ternyata adab memberikan salam sesama muslim adalah satu perkara yang amat digalakkan dalam Islam walaupun kepada orang yang kita tidak kenali. Manakala menjawab salam juga adalah satu kewajipan lebih-lebih lagi dalam kalangan ahli keluarga, sahabat dan juga para guru.

Oleh itu, pemaparan kepada pemberian salam menerusi drama adaptasi ini adalah amat baik dan bertepatan dengan budaya dan norma masyarakat Melayu di Malaysia yang beragama Islam. Hal ini juga bertindak kepada cerminan realiti sosial yang sebenar yang disampaikan dengan tepat oleh pembuat teks kepada masyarakat umum.

Rajah 8: Bacaan doa ketika makan menerusi drama Monalisa



Sumber: Drama adaptasi Korea Monalisa (2018)

Bacaan doa adalah senjata bagi setiap umat Islam du muka bumi ini. Menurut Mursalin (2011) doa merupakan satu bentuk jalinan perhubungan di antara manusia dan sang pencipta bagi mendekatkan diri dan mendapat keredhaannya. Tambahnya, setiap umat Islam diperintahkan untuk berdoa dalam segala kesempatan dan hanyalah ditujukan kepada Allah yang maha esa sahaja.

Justeru, perkara ini jelas dipaparkan di dalam drama adaptasi Korea Monalisa apabila terdapat adegan-adegan berdoa ditonjolkan kepada para penonton sebagai contoh dalam episod ke 3 di mana wujudkan adegan berdoa kepada tuhan sebelum menjamu selera. Ini juga dilihat sebagai satu inisiatif yang baik oleh pembuat teks untuk diterapkan kepada masyarakat umum agar senantiasa berdoa dan meningati sang pencipta walau dalam apa juar keadaan sekalipun.

Rajah 9: Dialog terhadap lelaki dan wanita tidak boleh berkesedudukan tanpa ikatan dalam Monalisa



Sumber: Drama adaptasi Korea Monalisa (2018)

Dalam Islam lelaki dan wanita tidak boleh bersekedudukan tanpa ikatan yang sah. Ini disebabkan kerana Islam menetapkan panduan hidup yang mementingkan kesejahteraan masyarakat sebagai suatu amalan yang sihat dan dituntut (Nur Izzah & A'dawiyah 2018). Disebabkan hal itu, berkesedudukan di antara lelaki dan wanita yang bukan mahram dianggap satu kesalahan besar kerana mampu menggalakkan gejala sosial untuk lebih berleluasa.

Disebabkan itu menerusi adegan ini pemaparannya adalah amat tepat dan bersesuaian dengan situasi tempatan apabila kedengaran pada episod ke 24 ayah Melisa telah memarahinya kerana dikatakan Melisa telah bersekedudukan dengan teman lelakinya iaitu Johan di dalam

sebuah bilik hotel. Hal ini secara tidak langsung dapat memberikan pengajaran kepada orang ramai yang menonton supaya tidak melakukan kesalahan yang sama di dunia yang nyata. Tambahan daripada itu, adegan yang mempunyai nilai keislamaan seperti ini juga amat baik untuk dipertontonkan kepada masyarakat. Ini kerana Malaysia merupakan sebuah negara yang berbilang kaum dan agama, oleh itu selain dapat memberikan pengetahuan kepada masyarakat Melayu dan Islam di Malaysia, adegan sebegini juga mampu memberikan pencerahan kepada agama dan bangsa lain untuk mengetahui sedikit sebanyak mengenai Islam.

## KESIMPULAN

Secara tuntasnya, makalah ini telah menganalisis mengenai pemaparan elemen Islam dalam drama adaptasi Korea iaitu Monalisa. Pengkaji juga telah membincangkan tentang bentuk serta bagaimana pemaparan Islam ini ditonjolkan oleh pembuat teks tempatan kepada masyarakat di Malaysia. Didapati, kewujudan kepada elemen Islam yang dipaparkan adalah amat banyak serta boleh dijadikan sebagai sumber rujukan kepada generasi baru tentang Islam. Selain itu, tiada sebarang tembusan budaya dari sudut agama yang wujud melalui penghasilan drama adaptasi Korea Monalisa ini memandangkan kesemua pemaparan agama yang disiarkan adalah berkenaan agama Islam sahaja.

Walaupun drama ini merupakan sebuah drama adaptasi daripada Korea, pembuat teks turut terlihat amat bijak dalam mengubah elemen kebudayaan terutamanya dengan menambahkan ciri-ciri keislamaan supaya ianya dilihat bersesuaian untuk di siarkan menerusi kaca televisyen tempatan. Ini juga amat perlu bagi mengekang pelbagai isu sensitif dan kontroversi yang akan melanda memandangkan Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai masyarakat berbilang kaum dan agama. Justeru, penggunaan dan pemaparan kepada elemen Islam yang amat meluas dan dipertontonkan kepada masyarakat dengan jelas dan tepat adalah satu inisiatif amat baik yang diambil oleh pembuat teks dalam memberi pencerahan dan mendidik penonton ke arah nilai yang lebih positif.

## RUJUKAN

- Adiba Munira Mohamad Amin, Fazuriyati Mohd Hamidin, Muhammad Firdaus Sujaini & Md Rozalafri Johori. (2013). *Pengawalan Dan Pencegahan Pengaruh Hallyu Oleh Ibu bapa terhadap Anak-Anak Menurut Perspektif Islam*. Persidangan: Bicara Dakwah Kali ke-14, FPI UKMAT: UKM, Bangi.
- Ahmad Mujahideen & Hamidi (2020). Konsep Taubat Menurut Perspektif Islam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*. Vol 5(29), 100 – 108.
- Anderson, Margaret L. & Taylor. Howard F. (2013). *Sociology: the essentials*. USA: Wadsworth
- Astro Awani. (2017). *Kematian Jong-hyun: Umat Islam haram ikut aksi berkabung dengan lilin* - Mufti Perak. Dicapai pada 2 Mei 2021 daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kematian-jonghyun- umat-islam-haram-ikut-aksi-berkabung-dengan-lilin-mufti-perak-163732>.
- Atiqah Syed Ibrahim, Sharifah Sofiah et al. (2003). Pengaruh Bomoh dalam Masyarakat Melayu. *Jurnal PEMIKIR*. Vol 33 ms.107-13.
- Bauto, L. (2016). Perspektif Agama Dan Kebudayaan Dalam Kehidupan Masyarakat Indonesia (Suatu Tinjauan Sosiologi Agama). *Jurnal Pendidikan Ilmu Sosial*. Vol 23(2), 11-25.

- Baalbaki, R. (1995). *Al-Mawrid A Modern Arabic-English Dictionary* (7<sup>th</sup> ed.). Beirut, Lebanon: Dar El Ilm Lilmalayin.
- Dasuki SI, Ogedebe P, Kanya RA, Ndume H and Makinde J. (2015). Evaluating the implementation of international computing curricular in African universities: A design-reality gap approach. *International Journal of Education and Development using Information and Communication Technology*. Vol 11(1): 17.
- Emily Draco. (2015). The Effect of Technology on Face to Face Communication. *The Elon Journal of Undergraduate Research in Communications*. Vol. 6, No. 1, 2015.
- Eun-song Bae, Meehyang Chang, Eung-Suk Park & Dae-cheol Kim. (2017). The effect of Hallyu on tourism in Korea. *Journal of Open Innovation: Technology, Market, and Complexity*. Vol 3(22), 2017.
- Farah Hidayah Mohd Zaini, Muaz Azinuddin, Nur Shahirah Mior Shariffuddin & Wan Mohd Adzim Wan Mohd Zain. (2020). The Role of the Hallyu Phenomenon in Shaping a Destination Image among Malaysian Adolescents. *International Journal of Innovation, Creativity and Change. Volume 13*, Issue 5, 2020.
- Fowler, J. (2017). From staff nurse to nurse consultant: Spiritual care part 1: The importance of spiritual care. *British Journal of Nursing*. Vol 26, 478
- Haryati Abdul Karim. (2014). Globalisasi, Penggunaan Media dan Identiti Hibrid Di Kalangan Remaja Malaysia. *Jurnal Komunikasi Borneo 2014*.
- Hariati Ibrahim & Nur Hafidah Abd Kadir. (2019). *Promosi Dehijabing: Impak Pada Wanita Islam di Malaysia*. Inspirasi Muslimah Edition 1<sup>st</sup> Publisher: Persatuan Ulama' Malaysia
- Ismail, N. Z., Yusuff, N. A., & Daud, B. (2019). Melestarkan Elemen Melayu Islam Dalam Fesyen Pakaian Masyarakat Melayu. *International Online Journal of Language, Communication, and Humanities*. Vol 2(1), 74-84.
- Julina Tajul Ariffin, Hassan Abu Bakar & Nor Hafezah Yusof. (2018). Culture in Korean Drama towards Influencing Malaysian Audiences. *International Journal of Innovative Research in Engineering & Management (IJIREM)*.Volume-5, Issue-1,2018.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2020). *Tahlil dan Doa Arwah. Amalan Warid daripada al-Quran dan Sunah*. Siri 3. Siri Buku Amalan Harian. Publisher: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Mana Sikana. (2014). Sumbangan Drama Adaptasi Dalam Drama Melayu. *Jurnal Peradaban Melayu*. Vol 9, 148-162
- Mansor Puteh. (2009). "Filem Melayu Dilema Dua Era" dalam Dewan Budaya, Mac 2009. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mastura Hj Abd Wahaba, Khadijah Mudab & Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razalic. (2020). Islam Sebagai Agama Persekutuan Dalam Kontrak Sosial Di Malaysia. *E-Proceedings of The International Conference On Aqidah, Religions and Social Sciences* (Sigma10)
- Md Azalanshah & Seung Ho Kwon. (2019). Hallyu and Strategic Interpretation of Malaysian Modernity among Young Malay Women. *Journal of Asian Women*. Vol 35(3):1 – 24.
- Md Rozalafri Johori, Megat Al-Imran Yasin, Nor Azura Adzharuddin, Rosya Izyanie Shamshudeen & Wawarah Saidpuddin. (2014). Kualiti Rancangan Televisyen (TV) Islamik: Suatu Refleksi. *1<sup>st</sup> International Research Management and Innovation Conference 2014, Kuala Lumpur*.
- Mstar. (2020). "Kami tak bodoh untuk mulakan hal ini" – Kesian Army dimaki keluarga, cenderahati dibuang gara-gara channel Telegram 'Agama BTS'. [mstar.com.my/lokal/viral/2020/05/08/kami-tak-bodoh-untuk-mulakan-hal-ini---](http://mstar.com.my/lokal/viral/2020/05/08/kami-tak-bodoh-untuk-mulakan-hal-ini---)

kesian-army-dimaki-keluarga-cenderahati-dibuang-gara-gara-channel-telegram-agama-bts.

- Mursalim. (2011). Doa Dalam Perspektif Al-Qur'an. *Jurnal Al-Ulum*. Volume 11(1),63-78.
- Naquiah Nahar Sahrunizam Sangi, Dharsigah A/P Baniear Salvam,Nurhidayu Rosli, Abdul & Hafiz Abdullah. (2018). Impak Negatif Teknologi Moden Dalam Kehidupan & Perkembangan Kanak-Kanak Hingga Usia Remaja. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. Vol. 5, No. 1. (2018) 87–99.
- Nazra Aliff Nazri & Abdul Latiff Ahmad. (2020). Drama Adaptasi Korea: Suatu Analisis Terhadap Pemaparan Islam Dalam Drama My Coffee Prince. *Journal of Social Sciences & Humanities*. Vol. 17, No.1(2020), 24-36.
- Nancy Green Saraisky. (2015). Analyzing Public Discourse: Using Media Content Analysis to Understand the Policy Process. *Current Issues in Comparative Education*. Vol 18(1), 26-41.
- Norbaiduri Ruslan & Siti Sakinah Abdul Latif. (2016). Malay Women Readings Of Korean Drama. *Journal of Education and Social Sciences*. Vol. 4, (June).
- Normah Mustaffa & Faridah Ibrahim. (2018). Pembingkai Visual Berita Krisis Lahad Datu. *Malaysian Journal of Communication*. Jilid 34(1) 2018: 170-184.
- Nor Hashimah Jalaluddin & Zaharani Ahmad. 2011. Hallyu Di Malaysia: Kajian Sosiobudaya. *Malaysian Journal of Communication*. Jilid 27(2): 203-219.
- Nur 'Izzah Jainudin & A'dawiyah Ismail. (2018). Faktor Pengetahuan Amalan Batas Aurat Dan Pergaulan Remaja Perempuan Smk Titungan Tawau Sabah. *Jurnal Hadhari*. Vol, 10 (2) (2018) 141-158.
- Nurul Huda. (2015). Berjabat Tangan Dengan Lawan Jenis. *Jurnal Substantia*. Volume 17 Nombor 1, April 2015.
- Pandyan, K. (2013). The Coming of Age of Indian Animation. *Journal of Asian Pacific Communication*. 3231(10), 66–85.
- Rashidah Othman, Siti Norlina Muhamad, Farahwahida Mohd Yusof & Muhammad Amir Wan Harun. (2016). Fesyen Wanita Menurut Perspektif Islam dan Kesannya Terhadap Kesejahteraan Fizikal dan Spiritual. *Jurnal Sains Humanika*. Vol 8: 3 (2016) 65–71.
- Roslan Ab Rahman, Dasima Sidek, Khiral Anuar Daud & Abdulsoma Thoarlim. (2015). Kepentingan Memberi Salam Dan Etika Berpakaian Menurut Islam. *Proceedings of International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century*.
- Sang Hyeop Lee, Kai-Sean Lee, Gong Ho Kwak & Hak Seon Kim. (2017). The Effect of the Korean Wave on Malaysian University Students' Perception. *Journal of Culinary Science & Hospitality Research*. Vol 23(1):79-83.
- Sohana Abdul Hamid. (2016). Pengaruh Media Massa Terhadap Perubahan Sosial Masyarakat. *Journal of Social Sciences and Humanities. Special Issue 1* (October 2016) 214-226.
- Sun.S, Patrick Leeb & Rob Law. (2018). Impact of Cultural Values On Technology Acceptance And Technology Readiness. *International Journal of Hospitality Management*.
- Suranto Aw. (2018). An Evaluation of a Public Relations Program in Promoting Synergistic Cooperation between Schools and Industries. *Journal Problems and Perspectives in Management*. Vol 16 (4), 353-364.
- Tengku Intan Marlina & Madiawati Mamat. 2017. Program Kesusasteraan Melayu Di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya: Pelaksanaan Dan Cabaran. *Jurnal Melayu*. Bil. 16(1) 2017.

- The Rakyat Post. (2015). *Tudung-clad Malay girls, hugged and kissed onstage by K-pop.* <http://www.therakyatpost.com/news/2015/01/11/tudung-clad-malays-girls-hugged-kissed-onstage-K-pop-artists/>
- Wan Haslan Khairuddin & Indriaty Ismail. (2014). *Kalimah Allah Menurut Perbahasan Linguistik dan Teologi.* Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014. UKM Bangi.
- Wan Hasmah Wan Teh, & M. Salleh Yaapar. (2015). Pandangan terhadap masyarakat Melayu Patani: Satu kajian adaptasi dari novel juara ke filem Jogho (1997). *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 8, 224-244.
- Yusuf Qardhawy & Muhammad Al-Ghazali. (2000). *Priorities of The Islamic Movement In The Coming Phase.* Swansea: Awakening Publications.
- Zubaidah Osman & Nor Azura Adzharuddin. (2015). *Pengaruh Visual Dan Verbal Dalam Iklan Kempen Terhadap Emosi. Journal of Education and Social Sciences.* Vol 2. pp. 51-55.

## MAKLUMAT PENULIS

### NAZRA ALIFF NAZRI

Pensyarah  
Pusat Sains Liberal  
Fakulti Sains Gunaan & Kemanusiaan  
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)  
nazraaliff@unimap.edu.my

### NURUL AKQMIE BADRUL HISHAM

Pensyarah  
Jabaran Kewartawanan & Pengiklanan  
Xiamen Universiti Malaysia  
nurulakqmie.hisham@xmu.edu.my

### ABDUL LATIFF AHMAD

Pensyarah Kanan  
Pusat Kajian Media dan Komunikasi  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
alba@ukm.edu.my